

Bil. S 60

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (BIL. 3), 2001

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 20 haribulan Mei, 2000 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, enam ratus sembilan juta, tiga ratus tiga puluh ribu dan satu ratus dua puluh lima ringgit (\$3,609,330,125.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1994), 1993;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tujuh puluh juta, enam ratus sembilan ribu dan dua ratus tujuh puluh sembilan ringgit (\$70,609,279.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1994) (Bil. 1), 1994;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh satu juta, tiga ratus lima puluh enam ribu dan tujuh ratus tujuh ringgit (\$41,356,707.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1994) (Bil. 2) 1995;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lima ratus empat puluh dua ribu dan sembilan ratus sepuluh ringgit (\$542,910.00);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (1994) (Bil. 3), 2001.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1994, memperuntukkan dan penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari lima ratus empat puluh dua ribu dan sembilan ratus sepuluh ringgit (\$542,910.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 1994 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1994), 1993, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1994) (Bil. 1), 1994 dan Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1994) (Bil. 2), 1995 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah ceraihan (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959 adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	JABATAN PERDANA MENTERI		
S.G4	Jabatan Peguam Negara	138,499.00	138,499.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI		
S.C22	Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di New Delhi	404,411.00	404,411.00
		<u>\$542,910.00</u>	<u>\$542,910.00</u>

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Jamadilawal, 1422 Hijrah bersamaan dengan 24 haribulan Julai, 2001 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM